KERATAN AKHBAR
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

11 JULAI 2023

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NEGARA



# 400,000 orang Pahang tidak pernah periksa gigi seumur hidup

**KUANTAN** – Kesedaran tentang kesihatan gigi dalam kalangan penduduk di negeri ini masih rendah apabila kira-kira 402,500 orang tidak pernah menjalani pemeriksaan gigi seumur hidup.

Pengarah Kesihatan Negeri, Datuk Dr. Nor Azimi Yunus berkata, berdasarkan kajian satu daripada empat individu atau 25 peratus daripada kira-kira 1.6 juta rakyat di negeri ini tidak pernah menjalani pemeriksaan gigi.

"Disebabkan itu, banyak program-program berkaitan kesedaran kesihatan gigi dianjurkan dengan menyasarkan setiap individu tanpa mengira pelbagai peringkat umur melakukan pemeriksaan sekurang-kurangnya setahun sekali di fasiliti kerajaan.

"Pada 2022, kadar penggunaan fasiliti pergigian di Pahang adalah 24.6 peratus sahaja sedangkan klinik pergigian banyak dan terdapat di setiap daerah," katanya selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Minggu Promosi Kesihatan Pergigian Peringkat Negeri Pahang di Atrium, Tasek KotaSAS, di sini semalam.

Menurutnya, Pahang mempunyai 73 buah fasiliti kesihatan pergigian primer yang menyediakan rawatan asas pergigian.

Katanya, sebanyak 64 buah klinik pergigian dibuka setiap hari, manakala sembilan buah lagi memberikan perkhidmatan secara lawatan.



**NOR AZIMI (berdiri) melihat seorang kanak-kanak melakukan pemeriksaan gigi di Kuantan semalam.**

Selain itu jelasnya, terdapat tiga buah klinik pergigian bergerak di daerah Kuantan, Maran dan Lipis yang memberikan perkhidmatan kepada masyarakat melalui program kesihatan pergigian *outreach*.

Dalam pada itu, Nor Azimi berkata, sebanyak 80.5 peratus kanak-kanak berumur di bawah lima tahun mengalami masalah karies gigi dan Pahang menduduki tempat kelima tertinggi bagi masalah berkenaan.

"Begitu juga bagi murid berumur 12 tahun ke bawah yang merekodkan sebanyak 40.1 peratus pada 2017 juga ke lima tertinggi di Malaysia," ujarnya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NATION / NEWS

APPEAL APPLICATIONS

# Accept permanent posts, contract doctors advised

**KUANTAN:** Contract doctors offered permanent positions have been advised to accept their placements while the Health Ministry studies their appeals.

Deputy Health Minister Lukanisman Awang Sauni said a small group of contract doctors had appealed not to be transferred and a committee was studying their appeals.

"These contract doctors made their applications through the eHO (eHousemen), the electronic system for placement of permanent doctors.

"Those who have been offered permanent positions are advised to report for duty at their assigned clinics or hospitals.

"A small group of contract doctors has appealed to not be transferred, citing reasons like health, family and personal issues and pursuing specialised studies.

"The ministry will study the appeals and the committee will consider all of these (reasons).

"The committee will consider other factors to determine whether the applicants should continue serving at their current hospital.

"I advise doctors who have been absorbed as permanent doctors to be patient and report for duty at the assigned location (while waiting for the results of their appeals)."

He said this after the opening of the three-day "Asean Emergency Operation Centre: Gebeng Simulation Exercise" in the Gebeng industrial area near here.

He was asked to comment on reports about junior doctors encountering problems with the eHO.

Some doctors applying for placements said they faced system errors and some, who are pursuing specialisation, said they did not get the placements they wanted.

Malaysian Medical Association president Dr Muruga Raj Rajathurai had said the problems could result in manpower shortage in some areas.

Lukanisman said the ministry would look into and rectify eHo issues.

"As Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim mentioned, the government will give 12,000 contract doctors permanent positions in the next three years."



*Deputy Health Minister Lukanisman Awang Sauni (third from left) opening the Asean Emergency Operation Centre: Gebeng Simulation Exercise in Gebeng yesterday.* PIC BY T.N. ALAGESH